ISLAM DALAM SEJARAH DAN KEBUDAYAAN MELAYU

SYED MUHAMMAD NAGUIB AL-ATTAS

Dari apa yang telah dinyatakan mengenai Islam sebagai satu agama yang mempunyai sifat kebudayaan sastera yang saintifik, yang dengan tegas memberatkan penerimaan oleh penganutnya akan suatu konsepsi tunggal peri makna Wujud melalui bahasa, maka sangatlah terkhilaf para sarjana dan ahli sejarah menumpukan dayanya memerhatikan hanya kesan2, peninggalan2 'luar' sejarah Islam bagi menilai pengarahnya dalam sejarah Melayu-Indonesia. Memang gambaran 'luar' sejarah yang dinilai sebagai bukti2 bagi mentafsirkannya – seperti perdagangan,

pergolakan nasib penguasaan ekonomi dan politik; kesenian dan hasilnya dalam bidang agama – lebih mudah dipertimbangkan daripada kesan2 'dalam'. Justru tiada hanya dari peninjauan nilai banyaknya perdagangan yang berlaku, baikpun dalam gelanggang antarabangsa, atau pembangunan serta perkembangan institusi2 ekonomi dan politik, atau keindahan chandi2 seperti Mendut, Prambanan dan Borobudur, dapat dichapai oleh mereka apa yang dicharinya dalam makna sejarah – jikalau benar2 mereka ingin mempertimbangkan dengan lebih sempurna dan saksama lagi nilai peranan sejarah Islam di Kepulauan ini – sebab perihal sejarah Islam disini, peninjauan tertumpu terhadap perkara tersebut itu paling lemah sebagai bukti2 sejarah yang sah. Mereka sepatutnya harus meninjau *bahasa* Kepulauan ini, yang kebetulan terjadi dari bahasa Melayu yang telah diperislamkan itu, dengan tilikan mendalam. Disitu akan tampak oleh mereka perubahan2 revolusioner yang telah berlaku pada masharakat Melayu-Indonesia, kerana bahasa merupakan saksi sunyi yang perkataan2 serta istilah2nya masih menawan fikiran dan hasrat yang telah silam. Begitu juga terkhilaf mereka mengagung2kan pulau Jawa serta tamaddunnya; menjadikannya, dengan perbandingan kepada tamaddun Melayu-Indonesia, sebagai puchuk pujaan pengkajian mereka, sambil senantiasa memalingkan rukyat rindu kearah India. Tiada dari situ akan dapat kita menchari jawaban bagi soal asal-usul Islam di Kepulauan ini.

Perihal asal-usul Islam didaerah Kepulauan inipun kita lihat penumpuan yang bersandarkan chiri2 'luar' yang telah sering disebut itu. Mungkin pula untuk menyesuaikan pemikiran sejarah Melayu-Indonesia dengan teori otoktoni dan dengan satu teori yang selaras dengan teori otoktoni itu, yaitu teori keutamaan benua dan kebudayaan India dalam peristiwa hidup kebudayaan. Kepulauan ini, maka telah pun menetap satu lagi teori bahwa riwayat Islam didaerah ini berasal dari India (sebagaimana agama2 Hindu dan Buddha pun datangnya berasal dari India) dan disebarkan disini oleh orang2 India (sebagaimana juga halnya dengan agama2 Hindu dan Buddha). Justru se-olah2 proses sejarah di Kepulauan ini tiada berubah dan tiada menempuh perubahan dari zaman prubakala seterusnya hingga kezaman Islam - malah seolah2 sejarah Kepulauan ini tiada bergerak! Sebagaimana juga halnya dengan teori2 otoktoni dan keutamaan benua dan kebudayaan India dalam kehidupan masharakat

Melayu-Indonesia serta lain2 lagi yang telah mengabuti hakikat sejarah Islam disini, maka teori bahwa Islam itu datangnya dari India dan dibawa serta disebarkan oleh orang2 India harus kita tolak dan singkirkan pengenaannya terhadap sejarah asal-usul Islam disini. Pengukuhan teori itu, sebagaimana telah diterima hingga kini, justru akan senantiasa mengelirukan pemikiran sejarah yang tentu akan terpimpin kearah kesimpulan2 yang sesat. Faham tentang apa itu 'Islam' pun belum lagi dikenal benar2 oleh mereka, dan apa yang difahami hanyalah rumusan2 berdasarkan unsur2 'luar' atau zahir itu. Pemerhatian serta perumusan2 teliti yang berdasarkan unsur2 batin, unsur2 yang difahami masharakat Islam sendiri sebagai lebih jelas dan benar mencherminkan intisari Islam, belum lagi dibuat dengan sempurna. Maka dari itu jikalau Moquette berpendapat bahwa beberapa batu nisan Islam yang penting yang didapati di Pasai dan Gersik membayangkan bentuk-rupa batu nisan di Gujerat, kenyataan ini tiada harus sewajibnya diberi makna bahwa Islam didaerah ini *berasal* dari Gujerat dan disebarkan disini oleh orang2 India dari Gujerat. Begitu jugalah kenyataan2 lain yang berdasarkan unsur2 'luar' benda2 seperti itu; sebenarnya harus diberi kesimpulan bahwa terdapatnya benda2 itu disini ialah kerana lebih mudah bagi daerah ini memperolehnya dari tempat2 yang dekat padanya – tempat2 dibenua India yang sanggup mengeluarkan dan menyediakan barang2 itu untuk keperluan masharakat Kepulauan ini. Justru sesungguhnyalah wajib bahwa chiri2 asal-usul Islam disini dichari dri bahan2 dan kenyataan2 ' dalam', dan tulisan serta bahasa dan kesusasteraanlah yang benar2 merupakan chiri2 yang sah bagi memutuskan perkara ini. Jikalau kita tinjau semua kenyataan hasil kesusasteraan keagamaan yang telah merujuk kepada sumber2 tulisan lama Islam yang berkenaan dengan Kepulauan ini kita akan dapati, berdasarkan kajian ini, bahwa tiada satupun laporan, rujukan atau sebutan yang merujuk kepada penulis India atau kepada kitab yang berasal dari India dan digubah oleh orang India. Bahkan penulis2 yang disebutkan sebagai 'orang India', dan kitab2 yang disebutkan 'berasal dari India' oleh para sarjana Barat khususnya biasanya sebenarnya penulis2 bangsa Arab, dan kitab2 yang berasal dari negeri Arab atau Timur Tengah (Farsi), dan kebanyakannya yang disebut sebagai 'Farsi' itupun sebenarnya Arab, baikpun ditilik sebagai bangsa, mahupun sebagai wakil dari sesuatu kebudayaan. Muballigh2 lama Islam didaerah inipun terdiri dari orang2 Arab atau

Arab-Farsi, dan ini nyata dari gaya nama dan gelaran mereka masing2. Memanglah benar bahwa setengah daripada mereka itu datang melalui India, akan tetapi setengah daripada mereka juga datang langsung dari negeri Arab, dan ada yang melalui negeri Farsidan negeri China; dan ada juga yang melalui negeri2 Magrib dan Turki. Walau bagaimanapun, yang penting ialah bahwa kandungan faham keagamaan yang dibawa oleh mereka itu adalah bersifat Timur Tengah dan bukan India. Lagi pula kandungan dan chara penghuraian akidah2 pelbagai madhab ilmu tasawwuf, peribentuk tulisan 'Jawi' serta chorak beberapa huruf2nya, nama gelaran bagi hari2 mingguan, chara melafazkan Al-Qur'an, dan beberapa perkara penting lainnya menyatakan chiri2 tegas bangsa Arab, bukan India, sebagai pembawa dan penyebar asli agama Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia. Dari segi pandangan orang Islam, soal bangsa apa yang membawa Islam kemana itu mungkin tidak begitu penting, asalkan apa yang dibawanya itu ialah Islam. Namun dari segi pandangan sejarah sangatlah penting bagi para ahlinya mengemukakan butir2 faktanya dengan tepat dan benar, sebab kesimpulan2 yang akan dirumuskan dari butir2 fakta itu justru akan tentu mempengaruhi chorak perumusan2 teori persejarahan. Maka dari itu lebih penting dan benar tepat apabila dinyatakan, misalnya, bahwa Ibn Rushd dan Ibn al-'Arabi itu adalah orang Arab dan bukan Sepanyol, dan karya2 mereka mewakili pemikiran Arab-Islam (mungkin juga Yunani) dan bukan Sepanyol. Begitulah perihal mubaligh2 Islam didaerah Kepulauan ini, dan karya2 penting yang membawa kesan mendalam tentang Islam disini – kebanyakannya merupakan sumbangan bangsa dan hasil dayachipta Arab-Islam dan bukan India. Selain dari mereka muballigh2 Islam yang kemudian meneruskan dengan lebih giat lagi tugas penyebaran Islam itu terdiri dan bangsa Melayu sendiri, dan Jawa, dan bangsa2 lain dari kalangan bumiputra sendiri. Kenyataan ini tiada se-kali2 bertujuan untuk mengabaikan peranan orang India dan negeri India dalam memperkembangkan Islam disini, akan tetapi kenyataan ini menayangkan bagaimana dalam soal asal-usul Islam pun para sarjana dan orientalis Barat telah mengikut jejak langkah lampau membesar-besarkan peranan orang dan negeri India terhadap sejarah kita.

Akan tetapi mungkin dapat kita fahami sebab apa para sarjana dan ahli sejarah itu mempunyai sikap demikian terhadap persejarahan

Kepulauan ini. Sebabnya mereka sendiripun merupakan satu hasil didikan dan warisan tamaddun dan kebudayaan yang pandangan hidup serta nilai2nya berakar-umbi pada dunia estetik. Dalam kebudayaan Barat agama senantiasa dihidangkan melalui pengantar seni. Renungan2 teoloji yang bersifat rasional serta spekulasi falsafah mengenai Tuhan hanya tiba kemudian selepas dunia Barat diperkenalkan lebih lanjut pada falsafah Yunani dengan perantaraan Islam. Walaupun demikian, agama di Barat senantiasa hingga kini berdiam dalam haribaan dan pelukan seni. Falsafah dan sains mencheraikan diri dari agama, sungguhpun masih tetap hidup berdampingan dengan seni, justru dari sebab agama Barat tiada dapat memberi keyakinan dan ketenteraman jiwa. Pengenalan agama Kristian di Eropa, sebagaimana agama2 Hindu dan Buddha di Kepulauan Melayu-Indonesia, tiada pernah diikuti dengan penjelasan dan pembicharaan rasional terhadap konsepsi tawhid yang sempurna. Peranan penjelasan dan pembicharaan demikian – sejauh mana nasib agama Kristian - diletakkan pada pundak falsafah, yang telah merendahkan nilai agama hanya pada peringkat teori belaka, dan inipun berlaku baru2 ini sahaja. Justru benar boleh dikatakan dengan tiada meliwati batas, bahwa masalah besar yang menjadi bibit intisari soal kegelisahan jiwa kebudayaan Barat berakar pada polemik2 teoloji Kristian serta kekeliruan dan pertelingkahan yang berlaku kemudian, yang seterusnya mengakibatkan timbulnya konsep2 yang bersifat kebaratan dalam falsafah, dalam sains, dalam faham kemanusiaan (humanisma) seperti konsep2 'pembangunan' dan 'kemajuan' dan 'moden'.